

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim (dua dari kanan) **bermesra dengan kanak-kanak mangsa banjir** ketika melawat pusat pemindahan banjir di Serian.



Keadaan banjir dalam daerah Limbang yang **terputus hubungan** dengan Brunei.

FOTO CHE RANI CHE DIN/BH

LEBIH 7,000 MANGSA DI SABAH, SARAWAK

» Kerajaan tidak pilih kasih salur bantuan bencana

Oleh Suzianah Jiffar, Mohd Roji Kawi, Muhd Amirul Faiz Ahmad, Francis Andin, Mohd Nazlie ZainulRudi, Affendi Khalik dan Nurul Hidayah Bahaudin
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Seramai 8,072 mangsa banjir di Sabah dan Sarawak dipindahkan ke pusat pemindahan sehingga lewat malam tadi.

Di **Sabah**, seramai 1,728 mangsa banjir adalah dari daerah Beaufort, Tenom, Membakut dan Sipitang yang dipindahkan sejak kelmarin dan ditempatkan di sembilan pusat pemindahan.

Sementara itu, bagi **Sarawak**, 6,344 mangsa banjir dari 1,503 keluarga masih ditempatkan di 37 pusat pemindahan sehingga jam 11 malam tadi.

Di **Beaufort**, sebanyak 16 kampung dilanda banjir manakala lapan jalan di daerah itu ditenggelami air antaranya Jalan Melulugus, Jalan Jempanga, Jalan Kampung Lawa, Jalan Bukau, Jalan Luagan, Jalan Limbang dan Jalan Lintas Pekan.

Pegawai Daerah Beaufort, Mohd Shaid Othman berkata turut terjejas ialah operasi Keretapi Negeri Sabah (KNS) antara Stesen Beaufort-Kota Kinabalu dan Stesen Beaufort-

Tenom berikutan beberapa laluan ditenggelami air.

Di **Tenom**, Pegawai Daerah, Madiyem Layapan, berkata sebanyak enam kampung terbabat banjir berikutan limpahan air Sungai Padas yang mencatat bacaan melebihi paras bahaya iaitu 177.5 meter, petang semalam.

Sebanyak 35 sekolah termasuk dua sekolah menengah di Beaufort, Papar dan Sipitang ditutup akibat kawasan sekolah dinaiki air susulan banjir di daerah berkenaan, setakat petang ini.

Ini memabatkan seramai 5,455 pelajar keseluruhannya dengan 4,534 adalah murid sekolah rendah manakala selebihnya pelajar sekolah menengah serta 660 guru.

Pelbagai pihak dikerah bantu

Di **Kuching**, pihak berkuasa masih berjaga-jaga apabila Jabatan Meteorologi mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat jingga di lapan bahagian paling teruk terjejas di seluruh negeri.

Selain Kuching, antara bahagian lain yang diramal mengalami hujan lebat ialah Samarahan, Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibu, Mukah dan Bintulu, dengan kemungkinan menyebabkan banjir selepas bertembung fenomena air pasang besar sehingga Isnin ini.

Sementara itu, Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Alfred Jabu Numpang, berkata perhubungan darat antara Batu Danau, Limbang dan Temburong, Brunei terputus sepenuhnya selepas Lebuhraya Pan Borneo yang menghubungkan kedua-dua wilayah berjiran itu ditenggelami air sejak kelmarin.

Katanya, ini menyebabkan kehidupan sebahagian besar penduduk di kawasan terbabat terjejas, terutama mereka yang menggunakan laluan berkenaan untuk berulang-alik bekerja di negara jiran.

"Pelbagai pihak sudah dikerah ke Batu Danau bagi membantu penduduk yang terjejas berikutan masalah itu termasuk menghantar bekalan makanan. Laluan berkenaan kini langsung tidak dapat dilalui apabila dinaiki air sehingga tiga meter dan ini menyebabkan ramai penduduk Limbang yang bekerja di negara jiran terkandas.

Di **Serian**, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Karim, berkata jumlah wang bantuan disalurkan kepada mangsa banjir di Sabah dan Sarawak juga adalah sama seperti diterima mangsa banjir di Semenanjung, khususnya di Pantai Timur.

"Ditetapkan setiap keluarga yang berpindah menerima wang bantuan RM500, manakala bagi kes memabatkan kematian pula, jumlah bantuan diterima RM5,000 sebagai usaha kerajaan membantu meringankan beban mangsa banjir," katanya menepis dakwaan kononnya kerajaan pilih kasih kepada mangsa banjir di sini berbanding di Semenanjung seperti disebar media sosial.

Sipitang

Jeti bot Sipitang ke Labuan roboh dipukul arus.



BENCANA BANJIR



Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kung Ming antara yang **ditutup** akibat dinaiki air.



Info banjir

1,728

MANGSA BANJIR
DI SABAH DARI DAERAH
BEAUFORT, TENOM,
MEMBAKUT DAN SIPITANG

6,344

MANGSA
BANJIR
DI SARAWAK

1,503

KELUARGA
DI 37 PUSAT
PEMINDAHAN
DI SARAWAK

177.5 METER

BACAAN LIMPAHAN AIR SUNGAI
PADAS DI PARAS BAHAYA

35 SEKOLAH

DITUTUP AKIBAT DINAIKI AIR

5,455

PELAJAR
KESELURUHAN

660

GURU DI SEKOLAH
RENDAH, MENENGAHKedai dan sekolah terpaksa
ditutup di Beaufort dan Membakut.Keadaan banjir
yang melanda
di SK Banting, Sipitang.

Tenom



Banjir kali kedua lebih teruk

Beaufort: "Ini adalah kali kedua kami berpindah ke pusat pemindahan selepas sebulan. Saya tidak menjangka banjir akan berulang kerana baru akhir bulan lalu kampung kami dinaiki air."

Suriati Sinamdin, 56, berkata beliau yang tinggal di Kampung Bakalau, dekat sini, bersama tiga anaknya berpindah ke pusat pemindahan Dewan Baru Beaufort, malam kelmarin.

"Saya tidak menyangka banjir berulang kerana bencana itu sudah melanda daerah ini pada Disember lalu. Belum pun sampai sebulan, kampung kami dinaiki air lagi."

"Kami mengambil keputusan untuk berpindah selepas dia-

rahan untuk berbuat demikian selain paras air di kawasan kampung sudah melebihi paras bahaya."

"Nasib baik sebelum berpindah, kami sempat memindahkan semua barangan elektrik ke tempat lebih tinggi," katanya semalam.

Seorang penduduk Kampung Klias Baru, Kasmuni Amir, 51, berkata banjir gelombang kedua kali ini adalah terburuk selepas banjir sebulan lalu.

"Ketika banjir kira-kira sebulan lalu, rumah kami turut dinaiki air namun tidak seteruk sekarang ini. Bulan lalu, banjir cepat surut berbanding kali ini. Kami tidak menyangka banjir berulang lagi selepas Disember lalu," katanya.

Di Padawan, Sarawak, Lebih 3,000 penduduk situ mungkin menghadapi risiko terputus hubungan akibat tanah runtuh dan mendap sekiranya hujan lebat luar biasa terus berlanjutan.

Seorang penduduk di Kampung Abang, di sini yang enggan namanya disiarkan, berkata hanya satu lorong jalan boleh dilalui kenderaan ke kampungnya dan sekiranya mendapan tanah berterusan, tidak mustahil penduduk kampung akan terkandas.

Katanya, ketika ini penduduk boleh menggunakan Jalan Tapah untuk ke Kuching, tetapi laluan itu dinaiki air sejak awal minggu ini.

"Ada beberapa jalan boleh digu-

nakan untuk ke kawasan sekitar Puncak Borneo tetapi malangnya kawasan yang dilalui ada yang mudah dinaiki air," katanya.

"Penduduk kawasan rendah terjejas akibat banjir tetapi kami yang tinggal di kawasan berbukit terdedah kepada risiko tanah runtuh," katanya ketika ditemui BH, di sini semalam.

Selain Jalan Tanah Abang, sumber polis berkata, antara laluan terjejas akibat tanah runtuh ialah jalan di Kampung Duras, Siburan dan hanya boleh dilalui kenderaan ringan sahaja, manakala jalan di Kampung Batu Gong, Siburan, dinaiki air setinggi satu meter.

Difahamkan, keadaan lebih buruk berlaku di Beratok, di sini, selepas jalan di Kampung Sigandar menuju ke Kampung Bayor ke Payang tanah runtuh.

Keadaan tanah runtuh
di Jalan Kampung Abang
dan Kampung
Kambung, Padawan.